

CNS9833

U GB 02-10 00187 BA693

AAB

Mahathir - Media

MAHATHIR BIDAS MEDIA BARAT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

Daripada Salmy Hashim

I

BANGSA-BANGSA BERSATU, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat membidas media antarabangsa tidak bertanggungjawab kerana menyebarkan pembongkaran yang menyebabkan kerosakan di muka bumi.

Beliau menyifatkan media itu sebagai media Barat yang terlalu "bebas" sambil berkata bahawa sesiapa yang menguasai media juga menguasai fikiran kita dan mungkin dunia.

Tumpuan ucapan Perdana Menteri kepada media antarabangsa -- dengan 12 daripada 56 perenggan dalam ucapannya ialah sesuatu yang belum pernah terjadi sebelumnya terutama dalam konteks PBB.

Ini kerana kebanyakan pemimpin lazimnya menyuarakan kebimbangan terhadap politik dunia. Tumpuannya kepada media antarabangsa melangkaui ucapan dua perenggan yang menyentuh perjanjian damai PLO-Israel.

Beliau memberitahu Perhimpunan Agung ke-48 PBB: "Yang kita lihat dan dengar serta saksikan...ialah apa yang telah ditentukan media bagi kita harus tonton, dengar dan saksikan."

Perdana Menteri berkata, melalui media, "...kita juga dapat menonton gelagat Michael Jackson, bahkan dalam masa yang sama juga kita dapat menyaksikan pembunuhan beramai-ramai dan tidak kurang juga pembunuhan secara paling kejam berlaku. -- Lagi.

▼02/10/17-04MST

CNS9834

U GB 02-10 00140 BA694

AAB

Mahathir - Media 2 Bangsa-bangsa Bersatu

Beliau percaya bahawa media dunia yang berpengaruh dikuasai "segelintir orang di Barat" dan beliau menyifatkan mereka bersama sebagai "Big Brother".

Perkembangan yang menarik ialah apabila Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan jutawan media Rupert Murdoch di bilik hotel penginapannya di sini pada hari Khamis.

Pada persidangan akhbar untuk wartawan Malaysia selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata, beliau melahirkan bantahan kepada Murdoch kerana "mengongkong media di bawah kawalannya dan perkembangan ini tidak sihat."

"Murdoch berkata beliau akan mengambil kira pandangan kita dan akan mencuba tidak bersikap berat sebelah," kata Dr Mahathir.

"Walaupun saya berbual mesra dengan Murdoch tetapi itu tidak bermakna bahawa saya tidak tidak harus bercakap tentang perkara-perkara buruk mengenainya. Apa yang dilakukannya terhadap saya, saya akan melakukan terhadapnya," kata Perdana Menteri. -- Lagi.

▼02/10/17-06MST

CNS9839

U GB 02-10 00110 BA695

AAB

Mahathir - Media 3 (Akhir) Bangsa-bangsa Bersatu

Terdahulu, Dr Mahathir berkata bahawa Malaysia akan terus bersuara terhadap negara-negara yang kuat yang "membuat silap" kerana kita berani meluahkan pandangan kita."

"Di PBB, kita akan menyuarakan apa yang kita harus suarakan. Tetapi sudah tentu, media barat yang "bebas" tidak akan menyiarkannya.

"Dalam apa jua kes itu, apa yang kita capai adalah lebih penting. Kita boleh melakukan tanpa restu barat," kata beliau.

Dr Mahathir tiba di sini Selasa dan akan berlepas ke London bersama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali Jumaat sebelum pulang. -- Bernama."

SAL FAZ KAM.

▼02/10/17-12MST